

BAH

Mahathir - Jerai

PEMBATALAN TAMAN ANTARABANGSA JERAI BIJAK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Pembatalan projek Taman Antarabangsa Jerai (JFP) di Kedah ialah satu keputusan bijak memandangkan ramai pihak yang tidak bersetuju dengannya, terutamanya para pemilik tanah terabit, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sememangnya menjadi dasar kerajaan untuk tidak melaksanakan sesuatu yang tidak diinginkan rakyat, katanya kepada pemberita pada Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Dalam Negeri, di sini, hari ini.

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff mengumumkan pembatalan projek itu minggu lepas setelah ia mendapat bantahan rakyat.

Dr Mahathir menasihatkan kerajaan-kerajaan negeri yang hendak melaksanakan projek-projek besar seumpama itu supaya mengenal pasti terlebih dahulu kemampuan sebenar syarikat yang membuat cadangan.

Katanya, kerajaan negeri juga perlu mengkaji apakah kesan pelaksanaan sesuatu projek itu ke atas pemilik tanah terabit misalnya sama ada mereka akan turut memperolehi keuntungan atau sebaliknya. -- Lagi.

▼19/04/14-25MST

CNS6310

U GB 19-04 00171 BB166

BAH

Mahathir - Jerai 2 Kuala Lumpur

"Di Langkawi juga kita ambil banyak tanah untuk mengadakan projek-projek pelancongan tetapi tidak ada bantahan daripada para pemilik tanah," kata beliau.

Di samping itu, kerajaan bertindak menebusguna tanah supaya kerajaan tidak perlu mengambil tanah yang sudah dikeluarkan geran, jelasnya.

Mengenai arahan Setiausaha Agung Barisan Nasional, Datuk Mohamed Rahmat supaya parti-parti komponen BN membuat persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum, Dr Mahathir berkata, lazimnya persiapan itu memakan masa hingga dua tahun dan lagipun kerajaan masih ada masa sehingga Disember tahun depan.

Beliau berkata, BN membuat persiapan awal untuk membolehkannya mengadakan pilihan raya umum pada bila-bila masa dan beliau percaya parti-parti pembangkang juga boleh buat persiapan secukupnya untuk menghadapi pilihan raya itu kelak.

Mengenai rancangan Filipina berhubung projek kerjasama Segiempat Asia Utara iaitu yang melibatkan Luzon, Taiwan, Hong Kong/China Selatan dan Okinawa, Dr Mahathir berkata, itu merupakan hak Filipina dan ia tidak akan menjejaskan projek usahasama yang dijalankan Malaysia dengan negara jiranannya yang lain.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, kecemerlangan dalam pekerjaan hendaklah dijadikan budaya hidup rakyat negara ini kerana ia boleh dicapai jika diusahakan bersungguh-sungguh.

Katanya, budaya kecemerlangan mudah dicapai jika ia dijadikan satu matlamat dan tabiat semasa bekerja dan amalan hidup harian rakyat.

Beliau berharap budaya cemerlang akan menjadi tabiat setiap pekerja perkhidmatan awam supaya menjadi lebih cekap.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada 46 orang kakitangan Kementerian itu, tiga orang dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan dua orang dari Jabatan Pertahanan Awam.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Abdul Rahim Din. -- Bernama.

MSZ KAM.